

# Ibu tunggal kendali Taska

## Pergantungan kepada pengasuh warga asing dapat dikurangkan

BH 27/06/08 M/S 7

### Teras 4

Oleh Wan Faizal Ismayatim

**K**OTA BHARU: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yakin usahanya melatih golongan ibu tunggal dengan keupayaan mengendalikan taman asuhan (Taska), mampu mengurangkan pergantungan ibu bapa di seluruh negara kepada lebih 300,000 pengasuh warga asing ketika ini.

Menterinya, Datuk Dr Ng Yen Yen, berkata peningkatan jumlah pengasuh warga asing kini menjadi fenomena membimbangkan kerana bayi dan anak-anak dikhuatiri tidak mendapat pendidikan awal seiring dengan adat, budaya dan moral masyarakat negara ini.

Berikutan itu, katanya, kementerian dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khususnya

berkaitan kanak-kanak dan ibu tunggal, kini menjadikan asuhan sebagai teras mewujudkan lebih banyak Taska yang suasananya lebih kondusif, selamat dan profesional.

"Kementerian melihat bidang asuhan kanak-kanak berpotensi sebagai pekerjaan yang mampu berkembang dan memberi sumber pendapatan kepada ibu tunggal kerana ada di kalangan mereka tiada tempat bergantung dan ramai juga yang menganggur walaupun mempunyai ijazah atau diploma.

"Kita mahu ibu tunggal mengusahakan taska bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pengasuh warga asing, malah berdasarkan keadaan semasa, ibu bapa mahu anak mereka dijaga dalam suasana yang selamat serta didikan secara profesional oleh pengasuh yang mempunyai kemahiran," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas Majlis Perasmian dan Penyampaian Sijil Program Inkuba-

tor Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit) anjuran Jabatan Pembangunan Wanita dan Kelab Wanita Harmoni Kelantan, di sini, semalam.

Program I-Kit adalah program teras di bawah kementerian itu bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup ibu tunggal menerusi Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) di bawah Jabatan Pembangunan Wanita.

Dr Ng berkata, kementeriannya menasarkkan lebih 1,000 ibu tunggal menyertai program asuhan kanak-kanak sehingga hujung tahun ini dalam usaha menyediakan pusat asuhan yang selesa, selain membolehkannya menjadi sumber pendapatan golongan terbabit.

Beliau berkata, ketika ini, pihaknya mengadakan kerjasama dengan Persatuan Pengasuh Kanak-Kanak Malaysia yang bertanggungjawab melatih peserta yang berminat dari kalangan ibu tunggal dengan peruntukan kewangan, kurikulum dan kemahiran dise-

diakan kementeriannya.

Selain itu, katanya, menerusi I-Kit, peserta juga diberi peluang mengikuti Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak selama 17 hari, di samping kursus lain seperti pengurusan akaun, teknologi maklumat (IT), pertolongan cemas, bengkel membuat alat bantuan mengajar daripada bahan kos rendah.

"Kita menggalakkan wanita khususnya ibu tunggal tidak hanya tertumpu terhadap bidang perniagaan kecil seperti perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sebaliknya menorka bidang lebih luas seperti perkhidmatan termasuk menerusi taska," katanya.

Beliau berkata, ibu tunggal yang berminat mengusahakan taska atau perniagaan kecil lain diberi bantuan geran pelancaran berbentuk modal permulaan, manakala ibu tunggal miskin pula diberi latihan dan kursus secara percuma di NGO wanita yang ditauliahkan kementeriannya.